

Sumbangan Harta Wakaf dalam Sektor Pendidikan di Johor: Satu Tinjauan

Siti Mariam Atan, Norintan Wahab, Rosnani Mohd Salleh, Zuramaznum Sainan
Jabatan Undang-Undang

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

sitim223@johor.uitm.edu.my, norin210@johor.uitm.edu.my, rosna243@johor.uitm.edu.my,
zuram778@johor.uitm.edu.my

ABSTRAK

Wakaf merupakan satu ibadah yang berkaitan dengan harta benda. Orang yang memberi Wakaf tidak mengharapkan balasan di dunia tetapi bertujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah di akhirat kelak. Sumbangan Wakaf dalam sektor pendidikan adalah sangat signifikan kerana sebahagian besar model ekonomi beranggapan bahawa perkembangan sektor pendidikan merupakan salah satu ciri utama dalam menentukan pembangunan pemodenan industri disamping menggalakkan perkembangan ekonomi masyarakat setempat. Artikel ini secara ringkas meninjau penubuhan bahagian Wakaf di Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan juga turut menyentuh berkait dengan kepentingan sumbangan harta Wakaf dalam sektor pendidikan khususnya di negeri Johor.

Keywords Harta Wakaf, Sumbangan Harta Wakaf, Pendidikan, Johor

PENGENALAN

Wakaf adalah suatu perbuatan tabarru' sama seperti hibah dan sangat digalakkan oleh syarak. Wakaf membawa maksud satu bentuk dedikasi harta sama ada secara terang atau sindiran. Harta tersebut mestilah membawa manfaat kepada masyarakat dalam bentuk umum atau khusus. (Muhamad, 2011) Wakaf merupakan salah satu agen atau mekanisme pengagihan harta bagi umat Islam. Wakaf dalam undang-undang Islam mempunyai konsep dan cirinya yang tersendiri. Kefahaman yang jelas mengenai konsep Wakaf adalah sangat penting terutamanya bagi pemberi Wakaf dalam konteks bagaimana beliau ingin mewakafkan harta tersebut. Selain itu, beberapa akad dan transaksi dalam muamalah Islam juga perlu difahami dengan sebaiknya agar Wakaf dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut hukum syara'.

Secara umumnya, wakaf dapat memberi sumbangan kepada pembangunan pendidikan Negara melalui pelaksanaan wakaf tunai di mana ia menjadi satu sandaran dana yang boleh digunakan bagi membantu institusi pendidikan yang mempunyai masalah aliran tunai. Keupayaan wakaf tunai di dalam membantu Institusi Pendidikan Islam telah terbukti dengan kejayaan sistem pendidikan di Mesir. Universiti Al-Azhar telah dibena menggunakan dana wakaf tunai dan ia telah melaburkan kebanyakkan daripada dana wakaf tunainya untuk membina gudang penyimpanan di Terusan Suez. Di samping itu, Universiti Al-Azhar juga telah meminjamkan dana wakaf tunainya kepada kerajaan Mesir. Kelestarian Universiti Al-Azhar ini telah membuktikan keberkesanan dana wakaf tunai di dalam pembangunan institusi pendidikan. (Haslindar Ibrahim, 2013)

Begitu juga di negeri Johor, di mana ia merupakan salah satu negeri yang terawal mengiktiraf Wakaf dalam sistem pengagihan dan pengurusan harta. Pengagihan Wakaf di negeri Johor terutamanya dalam sektor pendidikan telah memberikan satu impak positif kepada pembangunan negeri Johor. Tadbir urus harta Wakaf bagi negeri Johor telah diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Antara bentuk Wakaf yang telah diperkenalkan di bawah pentadbiran MAIJ adalah seperti Saham Wakaf Johor yang mana dibawahnya telah dibahagikan kepada beberapa projek seperti projek Wakaf Sekolah Agama, Wakaf Al-Quran, Wakaf Asrama di Mesir, Wakaf Bangunan Kedai di Nusajaya dan Wakaf Pokok Kelapa Sawit. (Laman sesawang E-Wakaf Johor)

DEFINISI

Wakaf berasal dari perkataan Arab "Waqafa" yang bermaksud berhenti, menegah dan menahan. Kamus Bahasa Melayu pula telah mendefinisikan perkataan "mewakafkan" dengan maksud memberikan harta atau tanah bagi keperluan agama seperti menyerahkan tanah untuk perkuburan, memberikan atau menyerahkan untuk pembinaan masjid, surau dan madrasah untuk kegunaan orang ramai.

Dari segi istilah perkataan Wakaf ditaarifkan oleh para fuqaha' sebagai menahan harta yang bermanfaat serta kekal fizikalnya untuk diberikan pada jalan kebaikan. Wakaf juga didefinisikan sebagai suatu bentuk penyerahan harta yang berlaku sama ada secara terang (*sorih*), atau sindiran (*kinayah*). Dalam konteks ini, harta Wakaf berkenaan akan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada dalam bentuk umum mahupun khusus.

Dari segi Syarak, Wakaf bermaksud seseorang yang menyerahkan hak miliknya (harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya) kepada pengguna wakaf tersebut dari mula harta

diwakafkan hingga ke akhirnya semata-mata kerana Allah S.W.T. Ianya tidak boleh diambil kembali atau dimiliki oleh mana-mana individu. (Laman sesawang Majlis Agama Islam Johor)

Pensyariatan Wakaf dapat dilihat menerusi firman Allah Taala dalam Surah Al-Imran ayat 92 yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahui.”

Para ulama' telah mentafsirkan maksud kebajikan di dalam ayat di atas adalah Wakaf, iaitu satu-satunya ibadah yang dapat dikategorikan sebagai sedekah jariah kerana kebajikan yang diperolehi oleh pewakaf adalah ganjaran pahala yang berterusan walaupun pewakafnya telah meninggal dunia dan selagi mana harta yang diwakafkan tersebut terus kekal dan dimanfaatkan.

Perlaksanaan Wakaf adalah berasaskan kepada hadis Ibn Umar yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:-

Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi S.A.W untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, *tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu)* dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya. (Laman sesawang Majlis Agama Islam Johor)

WAKAF DI NEGERI JOHOR

Penubuhan Bahagian Wakaf di MAIJ

Bahagian Wakaf di negeri Johor telah ditubuhkan pada tahun 1313 Hijrah bersamaan dengan 1895 Masihi. Pada peringkat awal penubuhannya, ianya dikelola dan ditadbir oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Kemudian ia telah diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Johor di dalam urusan tadbir dan sebagai pemegang amanah. Dengan berkuatkuasanya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978/2003, Wakaf telah diletakkan di bawah bidangkuasa MAIJ.

MAIJ mempunyai bidangkuasa untuk mentadbir harta Wakaf, mendaftar harta Wakaf seterusnya menguruskan harta Wakaf tersebut mengikut tujuan yang telah ditentukan oleh pemberi Wakaf. Melalui Fasal 89 Enakmen 16 Tahun 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, MAIJ menjadi pemegang amanah tunggal untuk semua Wakaf di negeri Johor. Ini bermakna segala urusan yang melibatkan Wakaf tertakluk di bawah bidangkuasa MAIJ.

Jenis Harta Wakaf di Negeri Johor

Di bawah pentadbiran MAIJ kategori harta Wakaf telah dibahagikan sebagaimana berikut:

- 1) Wakaf daripada individu
- 2) Wakaf daripada rizab kerajaan atau pertubuhan (irshod)

Manakala Wakaf Am dan Wakaf Khas pula adalah dalam bentuk:

- 1) Tanah
- 2) Bangunan dan kediaman
- 3) Tapak Masjid, surau, sekolah agama, kubur, pertubuhan anak-anak yatim dan lain-lain.

MAIJ juga telah memperkenalkan Saham Wakaf Johor yang mana ianya bertujuan untuk menggalakkan umat Islam di negeri Johor untuk melakukan ibadah Wakaf. Ini merupakan satu tindakan yang dialu-alukan kerana umum mengetahui bahawa tidak semua umat Islam mempunyai harta dalam bentuk harta kekal seperti tanah atau bangunan untuk diwakafkan. Oleh yang demikian tindakan MAIJ yang memperkenalkan skim Saham Wakaf Johor ini amat digalakkan.

Salah satu projek Saham Wakaf Johor adalah Wakaf Sekolah Agama. Ianya diwujudkan untuk menampung keperluan sekolah agama yang kian mendesak di negeri Johor. Ini kerana saban tahun jumlah murid yang mendaftar untuk kemasukan ke sekolah-sekolah agama kelolaan Kerajaan Negeri semakin meningkat, dan sekolah agama sedia ada sudah tidak mampu untuk menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah ini. (Laman sesawang Majlis Agama Islam Johor)

SUMBANGAN HARTA WAKAF DALAM SEKTOR PENDIDIKAN DI NEGERI JOHOR.

Umum mengetahui bahawa harta Wakaf merupakan salah satu agen kepada pembangunan ekonomi Negara. Harta Wakaf telah digunakan sebagai salah satu sumber material untuk pembangunan modal insan dan pelaburan ke atas modal insan untuk menghasilkan tenaga kerja berkemahiran. Selain itu harta Wakaf juga menjadi salah satu sumber kewangan di dalam sektor pendidikan yang mana ianya telah digunakan untuk pembayaran gaji guru dan kakitangan, pembinaan bangunan, peruntukan biasiswa, pembelian buku teks dan sebagainya.

Sumbangan Wakaf dalam sektor pendidikan di Malaysia bermula dengan institusi pengajian pondok, diikuti sistem pengajian madrasah atau sekolah aliran Arab dan seterusnya setelah merdeka, kerajaan mengambil alih institusi pendidikan wakaf ini untuk diurus mengikut persekolahan aliran perdana. (Rahman, 2009) Jika dibuat perbandingan, di negeri Johor khususnya, situasinya tidak jauh berbeza dimana harta Wakaf turut memberi sumbangan yang besar di dalam sektor pendidikan. Saham Wakaf Johor melalui projek yang dikenali sebagai Wakaf Sekolah Agama telah diwujudkan untuk tujuan pembinaan sebanyak 121 buah sekolah agama yang berada di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Johor. Ini bagi menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah pada saban tahun.

Selain itu, ianya juga bagi mengatasi masalah yang dialami oleh sekolah-sekolah agama di negeri ini yang mana masih lagi kedapatan sekolah-sekolah agama ini menumpang di sekolah kebangsaan. Selain itu Wakaf Al-Quran juga telah diwujudkan yang bertujuan untuk membeli Al-Quran untuk diagihkan ke sekolah-sekolah agama negeri Johor. Wakaf Al-Quran ini telah diadakan bertujuan untuk memastikan Al-Quran itu terurus didampingi dan dijadikan teman akrab seiring dengan pembangunan umat Islam. Oleh yang demikian, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor telah mempelawa seluruh umat Islam untuk mewakafkan naskhah Al-Quran menerusi Program Wakaf Al-Quran ini. Setiap Al-Quran yang telah diwakafkan akan diagihkan pula kepada sekolah-sekolah agama yang ada di seluruh Negeri Johor, pejabat-pejabat kerajaan dan juga swasta.

Pihak Majlis Agama Negeri Johor juga telah berjaya mewujudkan Wakaf Bangunan Asrama di Mesir. Umum mengetahui bahawa Mesir adalah sebuah pusat pembangunan ilmu yang terulung dengan kewujudan beberapa buah universiti yang tersohor seperti Universiti Al-Azhar. Wakaf bangunan Asrama ini dibina bertujuan untuk memberikan kemudahan asrama dan tempat penginapan kepada Pelajar-Pelajar Johor yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Negara Timur Tengah terutamanya bagi mereka yang menuntut ilmu di Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir. Duli yang Maha Mulis Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar telah menyempurnakan perasmianya pada April 2010. Bangunan asrama ini merupakan bangunan setinggi 6 tingkat dan boleh menempatkan seramai 80 orang pelajar Johor yang menuntut ilmu dalam bidang agama dan juga perubatan. (Laman sesawang Majlis Agama Islam Johor)

Sektor korporat di negeri Johor juga tidak ketinggalan dalam melaksanakan ibadah Wakaf. Ini dapat dilihat menerusi pelaksanaan wakaf korporat yang diperkenalkan oleh Johor Corporation Berhad (JCorp). Wakaf korporat ini dipercayai merupakan yang pertama dilaksanakan oleh sebuah bisnes korporat di dunia. Ia diuruskan oleh anak syarikatnya iaitu Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) yang merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan JCorp sendiri. Dibawah wakaf korporat ini syarikat WANCorp telah menguruskan 2 buah sekolah agama iaitu Sekolah Agama Ladang Pasir Panjang dan juga Sekolah Agama Sungai Papan. (Borham, 2011)

Bukti ini sangat jelas dan tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak. Sesungguhnya wakaf itu memberikan kemudahan yang sangat luas dan menjadikan sistem pendidikan di Johor selari dengan pembangunan wakaf di negeri-negeri lain di Malaysia.

KESIMPULAN

Hubungkait antara Wakaf dan sektor pendidikan sangat erat. Ini dapat dilihat apabila perkembangan sektor pendidikan yang kukuh turut mempengaruhi sistem agihan harta Wakaf. Jika sektor pendidikan lemah maka agihan harta Wakaf boleh dikatakan tidak dapat diagihkan secara sempurna. Harus diingat, Wakaf adalah satu pelaburan yang menguntungkan bagi pemberi wakaf kerana ia akan mendapat keuntungan bukan sahaja di dunai tetapi juga di akhirat kelak.

RUJUKAN

www.e-wakafjohor.gov.my

www.maij.gov.my

Haslindar Ibrahim, Afizar Amir, Tajul Ariffin (2013) *Cash Waqf: An Innovative Instrument for Economic Development*, International Review of Social Sciences and Humanities.

Rosnani Hashim, *Ekonomi Dan Pendidikan : Peranan Institusi Wakaf*, Jurnal Pendidikan Islam

Hj Ab Shakor Borham (2011) *Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Korporation Berhad (JCorp): Satu Tinjauan*, International Conference on Humanities

Asmak Ab Rahman (2009) *Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia*, Jurnal Syariah